

Galas: PAS mula bangkitkan isu royalti minyak
Malaysiakini.com
October 29, 2010

Isu tuntutan royalti minyak Kelantan kini mula dibangkitkan dalam kempen pilihan raya kecil DUN Galas.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz bagaimanapun sekadar menyebut perkara itu sepiantas lalu dalam ucapannya di satu ceramah lewat malam tadi.

Bayaran royalti minyak sememangnya hak negeri berkenaan, katanya dalam satu ceramah yang turut mementaskan ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

"(Royalti) petroleum ini sama ada beri kepada orang Terengganu atau Siam (Thailand) sebab kita berada di tengah-tengah," katanya di hadapan lebih 200 orang yang hadir.

Bagaimanapun beliau tidak mengulas lanjut isu berkenaan yang disebut di akhir ucapannya.

Nik Abdul Aziz memeriksa jam tangannya dan berkata: "Oh, tengah malam dah" sebelum menutup ucapannya dengan bacaan doa.

Hanya beberapa orang saja arif

Ketika menyentuh isu judi pula, Nik Abdul Aziz secara berseloroh meminta masyarakat Kelantan supaya tidak memperkenalkan diri mereka sebagai warga negeri itu apabila keluar ke negeri lain.

"Kita nak haramkan judi tapi ada pula orang daripada Bachok nak buat jadi halal, sungguh memalukan," katanya lagi.

Dalam pada itu, penasihat jentera pilihan raya DUN Galas PAS, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah pula menafikan tanggapan bahawa parti itu telah membuat perjanjian dengan BN untuk tidak membangkitkan isu royalti minyak.

"Isu royalti tidak dibawa bukan kerana apa-apa perjanjian dengan Ku Li tidak, tidak.

"Tiada halangan ataupun sekatan tentang isu itu," katanya dalam satu sidang media di markas PAS di Gua Musang hari ini.

Sebaliknya isu tersebut tidak dibawa memandangkan hanya beberapa orang sahaja dalam PAS yang arif dengan isu berkenaan.

Razaleigh enggan sahkan 'perjanjian budiman'

"Hanya beberapa orang pemimpin dalam PAS yang boleh bawa isu ini, kerana ia memerlukan olahan fakta dan maklumat, ilmu yang tinggi.

"Kita tak bawa isu ini kerana tak ada lagi pemimpin PAS di sini yang boleh berceramah tentang isu ini.

"Jika (exco kanan kerajaan Kelantan) Husam (Musa) atau (naib presiden PAS) Salahuddin

(Ayub) ada di sini, kita mungkin akan bawa isu ini, kerana mereka arif tentang hal ini," katanya lagi.

Sementara itu, pengarah jentera BN di Galas Tengku Razaleigh Hamzah (kanan) pula enggan mengesahkan sama ada 'perjanjian budiman' itu benar-benar berlaku.

Ditemui di satu program di Sungai Terah pagi ini, Tengku Razaleigh juga tertawa apabila diajukan soalan berkenaan.

"Saya tidak tahu, anda tanyalah mereka. Adakah saya budiman atau tidak budiman?"

"Anda rasa ada perjanjian? Jadi, jangkaan anda itu samalah dengan dengan jangkaan saya," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146737>